

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

3. Apakah cadangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf perpustakaan-perpustakaan supaya dapat menyahut cabaran-cabaran adab ke-21, terutamanya menyediakan WiFi percuma dan dilengkapi dengan komputer-komputer supaya orang awam boleh menggunakannya?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Perpustakaan merupakan salah satu institusi yang menyokong kepada budaya membaca di kalangan masyarakat dan sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan kepada masyarakat pada setiap masa. Perpustakaan adalah ruang mudah dan selamat, memberikan akses kepada sumber besar maklumat dan pengetahuan.

Kini, perpustakaan awam telah berada pada titik perubahan yang ketara. Ini dapat dilihat kepada cara kita mengakses, memperoleh dan menggunakan maklumat yang telah berubah secara mendadak pada abad ke-21, dan ini memberikan cabaran dan peluang untuk sistem perpustakaan awam di seluruh dunia. Kemunculan teknologi baru telah mengubah beberapa tabiat membaca masyarakat pada masa kini.

Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) merupakan jabatan peneraju utama bagi mengendali dan membangunkan perpustakaan awam di negeri ini. PPAPP mempunyai 67 pusat perkhidmatan terdiri dari Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Pekan, Rumah Ilmu dan Rumah Buku, Perpustakaan Desa/ Komuniti Siber Ilmu

serta Perpustakaan Bergerak telah dirangkaikan dengan jaringan internet dan menggunakan sistem perpustakaan berpusat.

Dari segi pembangunan fizikal, PPAPP dari masa ke masa menyelaras dan menaik taraf infrastruktur bangunan perpustakaan di seluruh Pulau Pinang bagi memberikan keselesaan kepada seluruh masyarakat pengguna. Sepanjang tempoh 6 tahun (2015 – 2020) sejumlah RM5,424,000.00 telah diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf 28 pusat perkhidmatan seluruh negeri Pulau Pinang **LAMPIRAN A**.

Untuk merealisasikan hasrat memastikan masyarakat Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam perkembangan dunia teknologi, PPAPP telah memperuntukkan RM524,424.00 setahun bagi memastikan talian internet di seluruh pusat perkhidmatan berfungsi dengan cemerlang dan masyarakat mendapat manfaat daripadanya. Penyediaan *wifi* percuma telah lama dipraktikkan bagi setiap pusat perkhidmatan, walau bagaimanapun tahap kelajuan capaian internet tersebut juga bergantung kepada kemampuan infrastruktur yang disediakan oleh pihak *telco* di satu-satu kawasan tersebut. Purata capaian di Perpustakaan Desa/ Komuniti Siber Ilmu adalah antara 4mbps hingga 30mbps manakala bagi Perpustakaan Cawangan dan Pekan telah dinaiktaraf kepada kelajuan 40mbps hingga 100mbps dan Perpustakaan Pusat pula adalah 800mbps, 100mbps *point to point service* dan 20mbps *dedicated internet access*.

Sebanyak 210 buah komputer/ *All In One device* (AIO)/ komputer riba serta 28 buah tablet disediakan untuk pengguna perpustakaan secara percuma bagi tujuan pembelajaran, peribadi serta untuk mengakses 14 pangkalan data (Hub digital@PPAPP) yang mengandungi 5,000,000 kandungan digital. Setiap perpustakaan desa mempunyai minimum 2 buah komputer untuk pengguna memandangkan saiz bangunan yang kecil berbanding Perpustakaan Pekan ataupun Cawangan.
LAMPIRAN B

Perpustakaan Bergerak PPAPP turut menawarkan kemudahan internet *broadband* 4g dan komputer riba kepada masyarakat terutamanya bas yang dikenali sebagai Mobile Digital@PPAPP. Bas ini menyediakan 10 buah komputer riba bagi menghubungkan masyarakat dengan pelbagai aktiviti yang

memberi pendedahan kepada dunia komputer dan internet dalam bentuk yang menyeronokkan.

Kelajuan capaian internet (kemudahan *wifi* percuma) kepada masyarakat sentiasa dikaji dari masa ke masa mengikut keperluan komposisi pengguna di sesebuah pusat perkhidmatan serta kemampuan infrastruktur yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan internet di kawasan tersebut. PPAPP amat prihatin dengan keperluan maklumat atas talian masyarakat dan perkara ini telah menjadi salah satu *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam penyediaan perkhidmatan.

Dalam mendepani cabaran digital hari ini, PPAPP bukan hanya memberikan kemudahan komputer tetapi juga menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kursus pengaturcaraan robotik, pengekodan Arduino, kursus-kursus menggunakan perisian terkini dan *cloud* kepada pengguna. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan di seluruh daerah bagi memastikan masyarakat tidak terlepas peluang di diberikan.

LAMPIRAN A

Jadual 1. Senarai Projek Naik Taraf Fizikal Bangunan Pusat Perkhidmatan PPAPP Di Seluruh Negeri Pulau Pinang

BIL	TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	BIL PUSAT PERKHIDMATAN DINAIKTARAF	
1	2015	120,000.00	2	1. PDSI Changkat 2. PDSI Sungai Kechil
2	2016	370,000.00	3	1. Perpustakaan Pusat Seberang Jaya 2. Perpustakaan Cawangan Balik Pulau 3. Perpustakaan Kanak-Kanak
3	2017	912,000.00	6	1. Perpustakaan Pusat Seberang Jaya 2. PDSI Lahar Minyak 3. PDSI Permatang Kuang 4. PDSI Tok Bedu 5. PDSI Kampung Kota 6. PDSI Permatang Pasir
4	2018	720,000.00	4	1. Perpustakaan Pusat Seberang Jaya (3 projek) 2. Perpustakaan Cawangan Bertam
5	2019	1,452,000.00	9	1. Perpustakaan Pusat Seberang Jaya (3 Projek) 2. Perpustakaan Cawangan George Town 3. Perpustakaan Cawangan Jawi 4. Perpustakaan Cawangan Balik Pulau 5. PDSI Sungai Bakau 6. PDSI Penanti 7. PDSI Bukit Gedung
6	2020	1,850,000.00	4	1. Perpustakaan Pusat Seberang Jaya 2. Perpustakaan Cawangan George Town 3. Perpustakaan Cawangan Bertam 4. PDSI Sungai Aceh
Jumlah		5,424,000.00	28	

*PDSI: Perpustakaan Desa Siber Ilmu.

LAMPIRAN B**Jadual 2. Jumlah Komputer Pengguna Dan Capaian Internet PPAPP**

Pusat Perkhidmatan	Bilangan Perpustakaan	Bilangan Komputer pengguna	Bilangan Tab pengguna	Kelajuan Internet
Perpustakaan Pusat	1	14	12	<ul style="list-style-type: none">• unifi 800mbps• 100mbps Point To Point Service• 20mbps Dedicated Internet Access
Perpustakaan Cawangan	5	34	6 (Cawangan George Town)	40mbps hingga 50mbps
Perpustakaan Digital	1	10	10	40mbps
Perpustakaan Pekan	2	7		40mbps hingga 50mbps
Perpustakaan Pusat Beli Belah	2	8		20mbps hingga 40mbps
Perpustakaan Desa	45	127		4mbps hingga 30mbps
Perpustakaan Bergerak	11	10 Mobile Digital@PPAPP		broadband 4g
Jumlah	67	210	28	